Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Dr Mary Wong Lai Lin.

Sementara itu, Zuraida berkata, KPKT sedang menunggu laporan kewangan mengenai hala tuju Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

Beliau berkata, laporan itu terbahagi kepada dua iaitu laporan kewangan dan pengurusan yang diterima dan diselaraskan dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

Katanya, anggota perbadanan PR1MA menjalankan tugas hampir setahun mengkaji dan meneliti semua projek PR1MA untuk dikategorikan mengikut keutamaan iaitu kurang risiko kepada berisiko tinggi.

"Setakat ini kita masih menunggu laporan kewangan itu dan selepas itu, barulah kita boleh bentang kepada Kabinet pada bila-bila masa," katanya

Sebanyak 94 projek PR1MA dibangunkan membabitkan 94,000 unit kediaman di seluruh negara.

Ia menerima 14,000 tempahan selepas Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dilanjutkan sehingga hujung tahun ini, sekali gus meningkatkan penjualan perumahan PR1MA yang sebelum ini tidak terjual.